

16/02/1999

Mekanisme kawalan ekonomi sejagat perlu diwujudkan

KETIADAAN prasarana kawalan menyeluruh terhadap ekonomi dan mata wang dunia akan menimbulkan ketidaktentuan ekonomi sejagat dan membawa gangguan kepada aliran keluar masuk dana dalam sesebuah negara.

Ahli ekonomi berkata, andainya badan kawal selia ekonomi dunia tidak memandang berat kepada proses mewujudkan mekanisme kawalan itu, ekonomi sejagat mungkin menghadapi permasalahan pada masa depan.

Profesor Madya di Jabatan Kewangan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Dr Fauzias Mat Nor, berkata negara yang tidak mengawal aliran dananya akan terdedah kepada risiko kegiatan spekulator mata wang.

Menurutnya, langkah Malaysia menetapkan ringgit pada RM3.80 berbanding dolar Amerika adalah tepat bagi melindungi serangan spekulator terhadap ringgit dan risiko turun naik dolar.

"Namun, ringgit masih terdedah kepada turun naik nilai kerana tidak ditetapkan berbanding mata wang utama lain," katanya, semalam.

Dr Fauzias berkata, risiko kejatuhan nilai ringgit turut bergantung kepada ketiadaan penetapan ringgit berbanding mata wang utama lain.

Beliau menjelaskan, nilai dolar juga bergantung kepada pergerakan mata wang utama dunia lain kerana ia didagangkan di pasaran mata wang antarabangsa.

Menurutnya, badan kawalan dunia perlu ada kesepakatan dalam pelaksanaan mekanisme kawalan mata wang bagi memastikan keseragaman mekanisme kawalan berjalan lancar.

Ketika mengulas jaminan diberikan Perancis untuk melaksanakan tanggungjawab penting memujuk Kumpulan Tujuh Negara Maju (G7) lain menerima pandangan Kumpulan Negara Membangun (G15) Fauzias berkata, jaminan Perancis memberi sedikit harapan kepada masa depan ekonomi global.

Namun, katanya kesediaan anggota G7 lain turut mempengaruhi keputusan itu.

Dr Fauzias berkata, masalah yang membelenggu dunia kini kerana kawalan modal di bawah kuasa kapitalis menentukan perjalanan ekonomi negara membangun.

"Dana datang daripada mereka dan kita negara kecil terpaksa mengikut amalan sedia ada," katanya.

Menurut beliau, negara kecil bagaimanapun tidak seharusnya mengikut telunjuk Barat secara mendadak tanpa memikirkan kaedah lain yang lebih baik untuk negara sendiri.

Malaysia menurutnya, sudah mengambil beberapa langkah perlu seperti kawalan tukaran asing secara terpilih yang seterusnya diikuti langkah susulan bertujuan mengurangkan kesan serangan spekulator mata wang.

Dr Fauzias berkata, negara yang mengagungkan kapitalis pada mulanya agak 'marah' dengan langkah itu tetapi lama-kelamaan dapat menerima keputusan berkenaan kerana negara ini menyelitkan unsur liberal dalam pelaksanaannya.

"Apa yang kita lakukan tidak nampak seolah-olah keterlaluan, mereka nampak tugas kita sebagai anjal," katanya.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, kelmarin berkata negara G15 mahu turut serta dalam apa yang dipanggil pewujudan reka bentuk kewangan antarabangsa.

Untuk tujuan itu, negara G15 menurutnya ingin berkomunikasi secara langsung dengan G-7 dan mendapatkan peluang berbincang dengan kumpulan ekonomi berkenaan.

(END)